SELFIDE LOTION

Selenium Sulphide (2.5% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Selfide Lotion
2. Bagaimana Selfide Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Selfide Lotion
4. Cara menggunakan Selfide Lotion
5. Semasa menggunakan Selfide Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Selfide Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Selfide Lotion

Selfide Lotion digunakan untuk merawat seborrheic dermatitis (penyakit pada kulit kepala yang menyebabkan berasa gatal-gatal dan bersisik-sisik putih yang disebabkan oleh minyak berlebihan), *tinea versicolor* (penyakit panau, penyakit kulit yang berbelak-belak putih dan biasanya mendatangkan rasa gatal apabila berpeluh), kelumumur dan sebagai rawatan tambahan untuk tinea capitis (penyakit kulat pada kulit kepala, bulu kening dan bulu mata).

Bagaimana Selfide Lotion berfungsi

Selfide Lotion mengurangkan minyak di kulit kepala dan melambatkan pertumbuhan lapisan sel kulit kepala yang menyebabkan kelumumur.

Selain itu, Selfide Lotion mempunyai fungsi antikulat yang melambatkan pertumbuhan kulat yang menyebabkan gejala penyakit.

Sebelum menggunakan Selfide Lotion

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Anda tidak boleh menggunakan Selfide Lotion sekiranya anda:

• Sensitif kepada bahan aktif Selenium Sulphide atau bahan-bahan lain dalam ubat ini

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut menggunakan penyediaan ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan menggunakan Selfide untuk merawat *tinea versicolor* jika anda mengandung.

Jangan ambil Selfide Lotion jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum menggunakan Selfide Lotion

• Jangan menelan dan elakkan daripada terkena mata.

• Jauhi daripada kanak-kanak.

• Selfide Lotion tidak boleh digunakan pada kulit yang pecah dan radang.

• Iritasi pada kulit atau kelunturan warna rambut akan berlaku. Situasi ini dapat dikurangkan atau dielakkan dengan membilas secukupnya pada bahagian kulit yang terlibat. Jika iritasi kulit berpanjangan, hentikan penggunaan Selfide.

• Elakkan daripada menggunakan Selfide Lotion 48 jam sebelum dan selepas rawatan kimia rambut seperti mengerinting, mewarnakan dan menyahwarnakan rambut.

• Elakkan daripada terkena barang-barang kemas.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubat yang didapatkan tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Selfide Lotion

- *Berapa banyak harus digunakan*

• RAWATAN KULIT KEPALA – Sapukan Selfide pada rambut yang basah, urut sehingga berbuih dan biarkan pada kulit kepala selama 3 minit. Bilaskan. Ulangkan aplikasi ini dan bilas secukupnya. Selfide perlu digunakan bila perlu atau ikut arahan doktor.

• RAWATAN KULIT – Sapukan Selfide tanpa dicairkan pada kulit yang terlibat selama satu minggu atau atas arahan doktor.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Untuk rawatan kulit kepala, gunakannya dua kali seminggu dan selepas itu gunakan bila perlu atau ikut arahan doktor.

Untuk rawatan kulit, gunakannya setiap hari selama satu minggu atau atas arahan doktor.

- *Jika terlupa menggunakan*

Sekiranya anda terlupa menggunakannya, anda boleh terus menggunakanya seperti biasa. Anda tidak perlu menambah kekerapan penggunaan atau kuantiti losyen untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Oleh sebab Selfide Lotion hanya digunakan secara luaran, ia tidak akan menyebabkan terlebih dos. Walaubagaimanpun, bahan aktif selenium sulphide adalah sangat toksik sekiranya tertelan. Sekiranya anda atau sesiapa tertelan Selfide Lotion, anda hendaklah pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat dengan segera atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau botol ubat dengan anda.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan penyediaan ini.

Semasa menggunakan Selfide Lotion

- *Perkara yang perlu dilakukan*

• Goncang botol sebelum menggunakannya. Gunakan Selfide Lotion dan bilaskan secukupnya.

• Ambil Selfide Lotion seperti yang diarahkan oleh doktor.

• Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil sebarang ubat lain untuk masalah yang sama.

• Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Selfide Lotion.

• Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil ketika menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

• Jangan guna Selfide Lotion untuk merawat masalah lain kecuali atas nasihat doktor anda.

• Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

• Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
• Jangan memberi Selfide Lotion kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
• Elakkan daripada terkena mata: Kesan iritasi (contohnya: pedih) mungkin berlaku. Sekiranya selenium sulphide terkena pada mata, bilas dengan air yang secukupnya.
• Bilas secukupnya: bahagian kulit yang terlibat perlu dibilas dengan bersih untuk mengurangkan kesan iritasi terutamanya pada lipatan kulit atau kawasan kemaluan.
• Tanggalkan barang-barang kemas sebelum menggunakan losyen ini kerana selenium sulphide boleh merosakkannya.

Kesan-kesan sampingan
Seperti ubat-ubatan lain, Selfide Lotion boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan adalah seperti yang berikut:
• Alahan
• Ruam
• Urtikaria atau gegata
• Iritasi
• Kulit melepuh
• *Alopecia* (kebotakan)
• Rambut bertukar warna
• *Seborrhea* (kulit kepala berminyak dan berkelumumur)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan berterusan atau menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicicne (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan Selfide Lotion
- *Penyimpanan*
Simpan di tempat sejuk dan kering di bawah suhu 30°C.
Jauhi daripada kanak-kanak.

- *Pelupusan*
Jangan guna Selfide Lotion yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak atau botol.

Sekiranya anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti menggunakan Selfide Lotion, atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut.

Maklumat lanjut
- *Rupa dan warna produk*
Selfide Lotion adalah ampaian berwarna coklat kemerahan dan dipek dalam botol 60ml atau 120ml.

- *Bahan-bahan kandungan*
- Bahan Aktif
Setiap ml mengandungi 2.5mg selenium sulphide.

- Bahan tidak aktif
Texapon 103 L, comperan LD, cutina AGS, colour perfume zalibra 6888, sodium chloride, sodium dihydrogen, phosphate, cetiol HE, dehyton K, citric acid, bentonite, bronidox, titanium dioxide, purified water.

- *Nombor MAL*
MAL19930491AZ

Pengilang
T.O Chemicals (1979) Ltd.,
280 Soi Sabaijai, Suthisarnwinijai Road,
Samsennok, Huay-Kwang,
Bangkok, 10310 Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk
IMEKS Pharma Sdn Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepng,
51200 Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP
1/6/2020

Nombor siri:
BPFK(R4/1)201015/00376